



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PULAU PINANG, 2025

Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan memacu prestasi ekonomi Pulau Pinang

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI PULAU PINANG, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Ekonomi Pulau Pinang berkembang 7.3 peratus pada tahun 2025 dengan nilai KDNK sebanyak RM130.3 bilion berbanding RM121.4 bilion pada tahun sebelumnya."

Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan kekal mendominasi KDNK Pulau Pinang dengan sumbangan kumulatif 94.0 peratus diikuti sektor Pembinaan yang menyumbang 3.3 peratus. Penyumbang seterusnya adalah sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 1.7 peratus dan 0.1 peratus.

Sektor Pembuatan Pulau Pinang menyumbang sebanyak 47.3 peratus pada tahun 2025, dengan nilai ditambah berjumlah RM61.7 bilion. Sektor ini meningkat laju 10.0 peratus berbanding pertumbuhan 4.0 peratus yang dicatatkan pada tahun 2024. Produk elektrik, elektronik dan optikal merupakan pemacu sektor Pembuatan tumbuh 12.7 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam segmen komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna. Selain itu, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka turut menyokong perkembangan dalam sektor berkenaan apabila meningkat 8.7 peratus pada tahun 2025.

Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM60.8 bilion (2024: RM58.4 bilion) dengan peningkatan 4.1 peratus. Faktor-faktor yang mendorong prestasi positif sektor ini ialah peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang bertumbuh 5.6 peratus serta pertumbuhan 2.7 peratus dalam subsektor Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan & ICT.

Beralih kepada prestasi sektor Pembinaan, sektor ini mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM4.3 bilion (2024: RM3.8 bilion) dengan sumbangan sebanyak 3.3 peratus kepada KDNK Pulau Pinang serta berkembang 13.4 peratus dipandu oleh pertumbuhan dua digit dalam subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

Sementara itu, sektor Pertanian bertumbuh 1.8 peratus pada 2025 (2024: -0.5%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor Perikanan yang berkembang pada kadar 3.4 peratus. Serentak dengan itu, sektor Perlombongan & pengkuarian berkembang 1.1 peratus pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.


Dari segi prestasi KDNK per kapita, Pulau Pinang merekodkan peningkatan sebanyak RM4,477 iaitu daripada RM76,107 kepada RM80,584, melebihi paras nasional sebanyak RM59,167.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema **“Data Nadi Ekonomi Rakyat”**. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Pulau Pinang, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PULAU PINANG GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

The Manufacturing and Services Sectors drive Pulau Pinang's economic performance

PUTRAJAYA, 1st JULY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **PULAU PINANG GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pulau Pinang's economy recorded a growth of 7.3 per cent in 2025, with the GDP value rising to RM130.3 billion from RM121.4 billion in the previous year."

The Manufacturing and Services sectors continued to dominate Pulau Pinang's GDP, contributing a combined total of 94.0 per cent, followed by the Construction sector with a 3.3 per cent share. The next contributors are Agriculture and Mining & quarrying, which accounted for 1.7 per cent and 0.1 per cent of GDP, respectively.

Pulau Pinang's Manufacturing sector accounted for 47.3 per cent of the state's economy in 2025, contributing RM61.7 billion in value added. The sector expanded significantly by 10.0 per cent, compared to the 4.0 per cent growth recorded in 2024. The production of Electrical, electronic and optical products, which is the key drivers of the Manufacturing sector grew by 12.7 per cent, supported by strong performance in electronic components & boards, communication equipment and consumer electronics. Additionally, the production of Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products also supported the sector's performance, grew by 8.7 per cent in 2025.

The Services sector recorded a value added of RM60.8 billion (2024: RM58.4 billion) reflecting a growth of 4.1 per cent. This positive performance was driven by a 5.6 per cent increase in the Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation subsector, along with a 2.7 per cent expansion in the Utilities, transportation & storage and ICT subsector.

Moving on to the performance of the Construction sector, this sector recorded a value added of RM4.3 billion (2024: RM3.8 billion) contributing 3.3 per cent to Pulau Pinang's GDP and expanded by 13.4 per cent driven by double-digit growth in the Civil engineering and Special trade subsectors.

Meanwhile, the Agriculture sector registered a growth of 1.8 per cent in 2025 (2024: -0.5%). This modest growth was supported by a 3.4 per cent increase in the Fisheries subsector. Concurrently, the Mining & quarrying sector rose by 1.1 per cent in 2025 compared to the previous year.


In terms of GDP per capita, Pulau Pinang recorded an increase of RM4,477 from RM76,107 to RM80,584, surpassing the national average of RM59,167.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **“Data Nadi Ekonomi Rakyat”**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Pulau Pinang's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

1st JULY 2026